

**SKEMA JAWAPAN PPC TING 5 2025**

NO SOALAN	SKEMA PERMARKAHAN				MARKAH
Bahagian A	1	قلقلة صغرى	11	استدلال Istidlal	20 markah
	2	مد لازم حرفی مثلث	12	اولو الامر Ulul Amri	
	3	منبلکن سبوتن راء	13	منافق Munafik	
	4	مد عارض للسکون	14	ضعيف Dhoif	
	5	واجب الغنة	15	معلق Muallaq	
	6	وقف انتظاري	16	محاسبة Muhasabah	
	7	تنوين	17	فندافۃ تابعین Pendapat Tabiin	
	8	سکون	18	کلارن اہلی حدیث Gelaran ahli hadis	
	9	Sekaligus سکالیکوس	19	العصیان	
	10	Hadis Mursal مرسل	20	اسفیک فیزیکل Aspek fizikal	
<b>BAHAGIAN B</b>					

1(a)	<p>(i) <b>Empat perkara mempersendakan agama ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mentafsir Al Quran mengikut Hawa Nafsu</li> <li>- Menghina wanita memakai tudung</li> <li>- Menyambut Hari Raya dengan hidangan Arak</li> <li>- Menganggap islam mengongkong wanita</li> <li>- Mengiktiraf wanita sebagai imam solat</li> <li>- Menganggap semua agama adalah sama</li> <li>- Menganggap undang-undang syariah islam hanya sesuai dengan masyarakat arab</li> <li>- Mengatakan orang yang mengamalkan sunnah ketinggalan zaman</li> <li>- Melakukan maksiat secara terbuka tanpa rasa malu</li> </ul>	4 markah (isi)
	<p>(ii) <b>Manusia dilarang mempersendakan agama kerana:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hilang jati diri sebagai seorang muslim</li> <li>- Allah akan masukkannya ke dalam Neraka</li> <li>- Maruah umat islam akan tercemar</li> <li>- Mengganggu kehormanian masyarakat</li> </ul> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 markah (isi+Huraian)
	<p>(iii) <b>Dua pengajaran daripada ayat di atas:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada orang yang menghina agama islam kerana melanggar perintah Allah</li> <li>- Kita hendaklah memberi peringatan kepada orang yang mempersendakan agama supaya maruah islam tidak tercemar.</li> <li>- Kita hendaklah mengetahui bahawa orang yang mati dalam kafir akan dimasukkan ke dalam neraka</li> <li>- Kita hendaklah yakin bahawa hanya dengan batuan dan syafaat Allah sahaja yang akan diberikan agar hidup bahagia dunia akhirat</li> <li>- Kita hendaklah menjadikan agama islam sebagai asas dalam semua aspek semua kehidupan agar hidup aman dan harmoni</li> </ul>	4 markah (isi+huraian)

		*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	
b	i	<p><b>Asbabul nuzul ayat 3 surah An nur ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Marsad bin Abi Marsad membawa tawanan dari Mekah ke Madinah.</li> <li>- Suatu hari ketika beliau melaksanakan urusan tersebut beliau telah bertemu dengan seorang pelacur yang bernama Anaq yang merupakan rakannya.</li> <li>- Beliau berhasrat untuk menikahi Anaq dan menyatakan hasrat tersebut kepada Rasulullah.</li> <li>- Maka turunlah ayat ini untuk menjawab pertanyaan tersebut.</li> </ul>	2 markah (isi lengkap)
	ii	<p><b>Impilakasi terhadap isteri yang tidak membala sumpah lian:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Isteri akan dikenakan hukuman zina bagi kategori muhson iaitu akan dikenakan rejam kerana tidak mempertahankan dirinya tidak bersalah.</li> </ul>	2 markah (isi+huraian)
	iii	<p>KBAT</p> <p><b>hubungan maklumat 1 dan maklumat 2 dalam kehormanian sesebuah negara:</b></p> <p><u>Contoh jawapan isi / fakta :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan hukuman yang berat bagi orang yang suka menyebarkan tuduhan palsu tanpa ada bukti agar Islam dipandang tinggi.</li> <li>- Menyebarkan kempen kesedaran terhadap kesan negatif tuduhan palsu di media sosial supaya berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu berita.</li> </ul> <p style="text-align: center;">*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	1 isi 1 huraian 1 H lengkap 1 Dalil 1 H dalil 1 Rumusan = 6 markah
2 (a)	i	<p><b>Sebab suami diperintahkan menjaga maruah isteri ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat memberikan motivasi kepada isteri/ agar sentiasa membantu suami dalam menguruskan rumah tangga.</li> </ul>	1 isi + 1 huraian  = 2 markah

		<p>-Dapat mewujudkan hubungan harmoni dalam rumah tangga/ apabila suami menjaga amanah dan kebajikan isteri.</p> <p>- Dapat melahirkan pendidikan anak-anak yang sempurna mengikut acuan agama kerana wujudnya kerjasama dan kasih sayang antara suami dan isteri.</p> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	
	ii	<p><b>Dua pengajaran hadis:</b></p> <p>- Individu muslim mestilah berakhhlak mulia/kerana ianya sifat orang yang bertaqwa kepada Allah SWT.</p> <p>- Pemimpin keluarga hendaklah membentuk keluarga yang beriman dan bertaqwa/ melalui konsep amar makruf nahi mungkar.</p> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi +2 huraian  = 4 markah
	iii	<p><b>Dua usaha masyarakat untuk menjauhi akhlak Mazmumah dalam kehidupan</b></p> <p>Menganjurkan program yang membentuk sikap tanggungjawab Sosial/ dalam masyarakat</p> <p>Bantu membantu dalam perkara kebaikan/ seperti suka bersedekah dan gotong royong.</p> <p>Menyuburkan amalan memakmurkan masjid /melalui solat berjemaah dan aktiviti keagamaan.</p> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	4 Markah  2 isi + 2 huraian
b	i	<p><b>Intisari Hadis :</b></p> <p>-Rasulullah SAW menjelaskan Allah SWT menghilangkan ilmu daripada hamba hambanya dengan mematikan para ulamak</p> <p>-Rasulullah SAW menjelaskan manusia akan menjadikan orang jahil sebagai rujukan apabila ulamak telah tiada</p>	1 isi + 1 huraian  = 2 markah

	ii	<p><b>Kepentingan ilmu dalam kehidupan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Ilmu mendorong setiap muslim mengenali dan mentauhidkan Allah SWT /sebagai pencipta dan pentadbir alam</li> <li>-Ilmu dapat meningkatkan keyakinan diri seseorang/ untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.</li> <li>-Ilmu membawa kemajuan hidup / kerana kita dapat memperoleh pekerjaan yang baik, meningkatkan taraf hidup, dan mencapai matlamat.</li> <li>-Ilmu dapat mengukuhkan iman dan taqwa /kerana ilmu agama membantu kita memahami perintah Allah dan mengamalkannya dengan betul.</li> </ul> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 Markah 1 isi + 1 huraian
	iii	<p><b>Hikmah menuntut ilmu (KBAT)</b></p> <p><b>Contoh isi dan huraian:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Dapat membezakan antara yang hak dan batil, sekali gus mengelakkan diri daripada terjebak dalam perkara mungkar.</li> <li>-Menuntut ilmu meningkatkan darjat seseorang di sisi Allah kerana ilmu membolehkan kita menyampaikan kebenaran kepada orang lain.</li> <li>-Ilmu membentuk akhlak yang terpuji kerana ia mendidik hati untuk bersabar, berdisiplin dan menghormati orang yang lebih berpengetahuan.</li> <li>-Menjadi asas kemajuan masyarakat dan negara kerana rakyat yang berilmu mampu memimpin pembangunan secara berintegriti.</li> </ul>	1 isi 1 huraian 1 H lengkap 1 Dalil 1 H dalil 1 Rumusan = 6 markah  KBAT
3 (a)	i	<p><b>Pengertian ulum al-Quran dari segi istilah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Suatu ilmu yang membahaskan tentang al-Quran dari segi penurunan, penyusunan, pengumpulan, penulisan, bacaan, tafsir, i'jaz, nasakh dan mansukh, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran.</li> </ul>	1 isi x 2m = 2 markah
	ii	<p><b>Dua kepentingan mempelajari ulum al-Quran:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat mengetahui pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang terdapat dalam al-Quran (I) seperti tafsir dan i'jaz al-Quran (H).</li> <li>-Dapat menambahkan keyakinan kepada pengkaji al-Quran bahawa ia merupakan sebuah kitab suci daripada Allah (I) kerana ... (H)</li> </ul>	2 isi x 1m = 2 markah

		<ul style="list-style-type: none"> <li>-Dapat mengetahui sejarah dan perkembangan al-Quran (I) dengan cara penyampaiannya adalah secara mutawatir (H)</li> <li>-Dapat mengetahui keistimewaan ahli tafsir (I) dalam melakukan pentafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran (H)</li> <li>-Dapat melahirkan tokoh dan pakar rujuk dalam bidang ulum al-Quran (I) seperti ulama tafsir al-Qurtubi, ibn Kathir dll (H)</li> </ul>	
(b)	i	<p><b><u>Dua ciri ayat Makiyyah:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Membicarakan tentang seruan tauhid dan beribadah hanya kepada Allah swt serta membuktikan kebenaran risalah para rasul.</li> <li>-Menceritakan kisah nabi Adam a.s dan iblis serta kisah para nabi dan umat terdahulu kecuali pada ayat-ayat dalam surah al-Baqarah.</li> <li>-Ayat-ayat yang pendek dan mengandungi ayat yang bermula huruf-huruf al-Muqattaah kecuali ayat dalam surah al-Baqarah dan ali Imran</li> <li>-Mengandungi lafaz ya ayyuhannas kecuali pada surah al-Hajj yang menggunakan lafaz ya ayyuhalladzina amanu</li> <li>-Mengandungi ayat sajadah (sujud tilawah).</li> <li>-Mengandungi lafaz kalla.</li> <li>-Menceritakan tentang gambaran hari kiamat, syurga dan nikmatnya, neraka dan siksaannya serta bukti-bukti terhadap orang-orang musyrik serta kauniyyah.</li> </ul> <p><b><u>Dua ciri ayat Madaniyyah:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Menjelaskan tentang ibadah, muamalah, hudud, kekeluargaan, warisan, jihad, kemasyarakatan dan hubungan atarabangsa, kaedah hukum dan masalah perundangan.</li> <li>- Menceritakan kisah dan perilaku buruk orang-orang munafik.</li> <li>-Suku kata dan ayatnya lebih panjang dengan gaya bahasa yang mantap dalam menjelaskan syariat serta tujuan dan sasarannya.</li> <li>-Mengandungi lafaz ya ayyuhalladzina amanu.</li> <li>-Seruan terhadap ahli kitab dari kalangan yahudi dan nasrani, ajakan kepada mereka untuk memeluk Islam, penjelasan mengenai penyelewengan mereka terhadap kitab Allah dan permusuhan mereka terhadap kebenaran.</li> <li>-Menerangkan tentang keizinan berperang dan peraturannya, serta hukum berkaitan jihad</li> </ul>	<p>4 isi x 1m = 4 markah</p> <p>(2 isi ciri ayat Makiyyah)</p> <p>(2 isi ciri ayat Madaniyyah)</p>

		-Semua hujah dan dalil mengenai hakikat-hakikat Islam dibincangkan dengan terperinci.	
	ii	<p><b>Dua pembahagian Hadis Sahih:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Sahih Lizatih</li> <li>-Sahih Lighairih</li> </ul>	2 isi x 1m = 2 markah
3 (c)	ii	<p><b>Cara berhujah dengan Hadis Hasan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Hukum Hadis Hasan adalah seperti hadis sahih dari aspek penghujahannya (I) sekalipun darjatnya lebih rendah daripada hadis sahih (H).</li> <li>-Hadis Hasan dijadikan hujah dan dalil syarak (I) tetapi ia tidak dapat menandingi kekuatan hujah hadis sahih (H)</li> </ul>	1 isi + 1 huraian = 2markah
3 (d)	i	<p>KBAT</p> <p><b>Hujah tentang kepentingan mempelajari Kitab Sahih Bukhari dan Muslim di sekolah:</b></p> <p><u>Contoh jawapan isi / fakta dan huraian :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-<b>Sekolah</b> dapat membekalkan murid dengan pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam (I) melalui contoh dan perbuatan Nabi Muhammad SAW (H)</li> <li>-Mempelajarinya membantu membentuk akhlak dan peribadi murid <b>sekolah</b> menjadi lebih baik (I) kerana hadis sahih mengandungi contoh teladan dari Nabi SAW dalam berbagai aspek kehidupan.</li> <li>-Dapat menguatkan keimanan murid <b>sekolah</b> kepada Allah dan Rasul-Nya (I) kerana ia memberikan bukti nyata tentang kebenaran ajaran Islam (H)</li> <li>-Mempelajari hadis sahih membantu murid di <b>sekolah</b> memahami dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka (I) seperti kejujuran, keadilan dan amanah (H)</li> </ul>	1 isi 1 huraian 1 H lengkap 1 Dalil 1 H dalil 1 Rumusan = 6 markah  (jawapan perlu masukkan/ ada perkataan di peringkat <b>sekolah</b> )-jika tiada 0 markah
4 (a)	i	<p><b>Maksud musyahadah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-seseorang itu melakukan ibadah seolah-olah dia melihat Allah berada di sisinya.</li> </ul>	1 isi x 2m = 2 markah
	ii	<p><b>Contoh ihsan dalam ibadah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mentaati perintah dan larangan Allah dengan ikhlas.</li> </ul>	1 isi + huraian = 2 markah

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- sentiasa merasakan nikmat beribadat yang mendorong seseorang tawajuh kepada Allah.</li> <li>- berusaha untuk mendapatkan ganjaran pahala beribadah walaupun diuji dengan kesusahan.</li> <li>- istiqamah mengerjakan ibadah sama ada kewajipan fardhu ain atau amalan sunat.</li> </ul>	
	iii	<p><b>Tindakan masyarakat dalam meyakini ihsan dalam kehidupan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- anggota masyarakat hendaklah sentiasa mengamalkan sikap menghormati orang lain.</li> <li>- masyarakat patuh kepada undang-undang negara . <ul style="list-style-type: none"> <li>● mana-mana jawapan munasabah diterima</li> <li>● pastikan ayat jawapan berkaitan dengan masyarakat</li> </ul> </li> </ul>	2 isi x 1 = 2 markah
b	i	<p><b>Cara ulamak salaf dalam memahami Surah al-Fath ayat 10 ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mentafsirkan kalimah ﴿ secara <b>tafwid</b> untuk mengelakkan daripada memberi makna yang tidak tepat dengan hakikat sebenar ayat.</li> <li>.</li> </ul>	1 isi + huraihan =2 markah
	ii	<p><b>Umat Islam perlu mempelajari nas-nas mutashabihat kerana:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat memahami nas-nas mutashabihat selari dengan kehendak al-Quran dan Hadis kerana manusia mempunyai akal yang terbatas.</li> <li>- dapat menggalakkan umat Islam menggunakan akal fikiran ketika mentafsirkan al-Quran tanpa merendahkan sifat kesempurnaan Allah.</li> <li>- dapat dijadikan panduan bagi ilmuan Islam untuk memikirkan makna yang tersembunyi di dalam al-Quran agar terhindar dari kesilapan.</li> <li>- dapat mengukuhkan fahaman tentang nas mutashabihat agar tidak menyamakan Allah dengan makhluk.</li> <li>- dapat mencegah unsur penyelewengan mentafsirkan ayat yang membawa kepada kesesatan.</li> </ul>	1 isi + huraihan = 2 markah
c	i	<p><b>Tanggungjawab dalam menjaga pergaulan antara jantina yang berlainan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memakai pakaian yang menutup aurat agar maruah diri terjaga.</li> <li>- Tidak berdua-duaan di tempat yang sunyi agar tidak terdedah kepada fitnah.</li> <li>- Bergaul apabila perlu sahaja seperti bertanya mengenai pelajaran.</li> <li>- Menjaga tutur kata apabila berbicara seperti tidak berkata perkara yang lucah.</li> </ul>	1 isi + huraihan = 2 markah
	ii	<p><b>Peranan negara dalam menjaga batas hubungan sesama manusia:</b></p>	

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Negara/ kerajaan menganjurkan kempen melalui media cetak dan elektronik agar kesedaran menjaga batas pergaulan dapat ditingkatkan.</li> <li>- badan berkanun mengadakan kem tarbiah untuk remaja bawah umur agar penjagaan batas pergaulan dapat dipupuk sejak kecil.</li> <li>- Negara/ Pihak kerajaan hendaklah menguatkuasakan undang-undang ke atas individu yang melanggar batas pergaulan agar perkara mungkar dapat dikawal.</li> <li>● Mana-mana jawapan munasabah diterima.</li> <li>● pastikan ayat jawapan berkaitan dengan negara/kerajaan.</li> </ul>	1 isi + huraian = 2 markah
(d)		<p><b>Penglibatan remaja dalam pengurusan jenazah dapat dipertingkatkan melalui:</b></p> <p>Cadangan isi jawapan KBAT:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan dan kesedaran awal di sekolah melalui kurikulum yang berkaitan</li> <li>- mengadakan bengkel/simulasi pengurusan jenazah di sekolah secara berkala</li> <li>- Mengadakan Latihan praktikal pengurusan jenazah bersama pihak masjid /NGO</li> <li>- Pendedahan melalui media sosial seperti memuat turun video tutorial , ceramah dan perkongsian pengalaman</li> <li>- Galakan dari ibu bapa kepada remaja untuk terlibat membantu pengurusan jenazah yang sebenar</li> </ul>	1 isi 1 huraian 1h.lengkap 1 Dalil 1 h dali 1 Rumusan = 6 markah

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**